



**PERTANDINGAN WARISAN  
BUDAYA TEMPATAN (*LOCAL CONTENT*)  
ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH SEKITAR BANDARAYA MIRI**

**2014**

**Anjuran  
Pustaka Miri  
Jalan Kipas Miri City Fan  
98000, Miri, Sarawak**

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Program ini bertujuan untuk:

- Mendedahkan para peserta dengan penggunaan sumber-sumber maklumat bercetak dan bukan bercetak bagi membolehkan para peserta mengetahui dengan lebih lanjut bahan-bahan tempatan, sejarah kaum, tradisi, budaya, sosio-ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya.
- Menggalakkan semangat kerjasama dalam menghasilkan kertas kerja yang berkualiti.

## **KRITERIA PERMARKAHAN / PENILAIAN**

- 1) Kehadiran semasa sesi Program Kemahiran Literasi Maklumat & Bengkel ... 10 %
- 2) Komitmen dan kerjasama antara peserta ..... 5 %
- 3) Kreativiti, Keaslian dan kekemasan hasil kerja ..... 5 %
- 4) Hasil Penyelidikan;
  - I. PENDAHULUAN.....5 %
  - II. LATAR BELAKANG MENGENAI  
KAJIAN/MAKLUMAT MENGENAI TOPIK.....10 %
  - III. ISI / PENYELIDIKAN.....30 %
  - IV. KESAN / IMPAK PENYELIDIKAN.....10 %
  - V. SARANAN / CADANGAN MENGENAI PENYELIDIKAN....5 %
  - VI. RUMUSAN .....10%
  - VII. PENUTUP.....5 %
  - VIII. RUJUKAN / BIBLIOGRAFI .....5 %

## **KAEDAH PEMANTAUAN PENYELIDIKAN**

- Perjumpaan dengan kumpulan / peserta, mendapatkan maklumat, perkembangan terkini menerusi guru pembimbing.

## **TEMA PENYELIDIKAN**

**Tokoh-tokoh Tempatan, Wilayah Utara Sarawak / Local Figures of Sarawak Northern Region.**

Contoh:

1. Nama Jalan: Jalan Temenggung Oyong Lawai Jau, Jalan Haji Indeh, Jalan Haji Lampam.
2. Nama Sekolah: SMK Dato Permaisuri, SK Sayed Othman.
3. Nama Dewan: Dewan Haji Garip
4. Nama Kampung: Kampung Haji Wahed

## **HADIAH DAN SIJIL**

### **1. HADIAH UTAMA**

- I. Hanya hasil kerja terbaik dan dipersetujui oleh juri-juri akan dinobatkan sebagai pemenang.
- II. Hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.00, pendaftaran percuma sebagai ahli berdaftar Pustaka Negeri Sarawak (Miri), berserta sijil penyertaan dan sijil kemenangan.
- III. Pemenang utama dikehendaki untuk membuat pembentangan mengenai penyelidikan yang telah dibuat semasa majlis penyampaian hadiah.

### **2. HADIAH SAGUHATI**

- I. Semua kumpulan yang memenuhi syarat-syarat pertandingan layak diberikan hadiah saguhati berupa wang tunai RM200.00 beserta sijil penyertaan.

3. Kumpulan yang tidak memenuhi syarat-syarat pertandingan tidak layak menerima hadiah saguhati.

### **4. ANUGERAH GURU PEMBIMBING TERBAIK.**

- I. Guru pembimbing terbaik akan dianugerahkan hadiah dan sijil penghargaan.

### **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

1. Terbuka kepada semua sekolah-sekolah menengah di sekitar Bandaraya Miri.
2. Setiap sekolah boleh menghantar **tiga (3) kumpulan** sahaja dan pemilihan tajuk adalah bebas (dari senarai tema yang diberikan). Jumlah peserta untuk satu kumpulan adalah **empat (4) orang** sahaja dan setiap kumpulan hendaklah mempunyai **seorang guru pembimbing** sahaja.
3. Sekiranya berlaku pertindihan tajuk penyelidikan, hanya dua kumpulan sahaja dibenarkan untuk membuat penyelidikan terhadap **tajuk yang sama** bagi setiap tema.

**Contoh:**

Tema penyelidikan: **Tokoh-tokoh Tempatan, Wilayah Utara Sarawak**

Tajuk: Jalan Temenggung Oyong Lawai Jau (*Hanya dua kumpulan dibenar untuk membuat penyelidikan tajuk ini*).

4. Hasil kerja haruslah bertaip (komputer) dengan fon **Times New Roman, saiz 12** dengan **langkau 2-0** dan tidak kurang daripada **20 mukasurat** bercetak tidak termasuk lampiran. Ianya harus dalam bentuk folio atau "Hardcopy", mengikut format yang disediakan oleh pihak penganjur. (*Format disediakan oleh penganjur*)
5. Laporan dalam bentuk softcopy Microsoft Word hendaklah disertakan bersama laporan bercetak dan disimpan dalam CD/DVD, termasuk rujukan.
6. Idea / kreativiti penyelidikan mestilah **ASLI** dan bukan ditiru dari mana-mana bahan ilmiah yang telah diterbitkan. Rujukan menggunakan sumber bercetak dan bukan bercetak adalah dibenarkan.
7. Hasil kerja adalah menggunakan **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris** yang sempurna dan telah disemak oleh guru pembimbing.
8. Para peserta akan dilatih mengenai cara-cara pencarian maklumat bercetak dan atas talian oleh penganjur dan peserta dikehendaki hadir semasa sesi literasi maklumat yang ditetapkan oleh penganjur.
9. Semua kumpulan mesti menghantar hasil kerja masing-masing selewat-lewatnya **pada Jumaat, 30 Mei 2014 pukul 4.30 petang** dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak (**Microsoft Office Powerpoint, maksimum 10 slaid**). Kreativiti persembahan hasil penyelidikan adalah bebas.
10. Semua perbelanjaan dalam membuat penyelidikan dan penghasilan kajian ditanggung sepenuhnya oleh peserta / sekolah.
11. Setiap hasil kerja yang tidak memenuhi syarat-syarat dan format penyampaian penyelidikan yang disediakan oleh penganjur pertandingan akan ditolak. (*Disemak oleh guru pembimbing*)
12. Semua hasil kerja akan menjadi hak milik penganjur.
13. Anugerah guru pembimbing terbaik dinilai dari segi komitmen, usaha dan maklumbalas pelajar. (*kreteria: semakan bahasa, format, perbincangan, melalui buku log/rekod*).

14. Semua sumber rujukan seperti suratkhabar, *Informant*, laman web, gambar dan sebagainya harus disertakan bersama laporan.
15. Subjek yang dipilih adalah tokoh-tokoh sebelum tahun 1980an
16. Tokoh-tokoh tempatan yang sumbangan yang boleh diabadikan (Politik, ekonomi, budaya, agama, negara)
17. Keputusan hakim adalah muktamad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Sdr. Ahmad Samsudin / Sdri. Norfaezan Abd. Jalil

Tel.: 085-422525

Emel: [ahmads1@sarawak.gov.my](mailto:ahmads1@sarawak.gov.my) / [norfaezj@sarawak.gov.my](mailto:norfaezj@sarawak.gov.my)